

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 10 JUN 2014 (SELASA)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Major reshuffle on the cards	The Malay Mail
2	Dana inovasi tempatan belum dimanfaatkan	Berita Harian
3	RM250j diperuntuk dana pengkomersialan	Utusan Malaysia
4	Kaji pengecualian bayaran royalti pengeluar kepada penyelidik	Kosmo
5	MOSTI kaji pengecualian bayaran royalti pengeluar kepada penyelidik	Bernamea.com
6	Fenomena El Nino: Subang paling panas	Harian Metro
7	Cuaca panas, kering bukan fenomena El Nino	Kosmo
8	Catuan air dijangka berulang	Sinar Harian
9	Luas cuba elak catuan air	Sinar Harian
10	Water rationing may return if El Nino affects supply	The Malay Mail
11	Catuan bekalan air dijangka berulang jika paras empangan utama merosot	Bernamea.com
12	Kedutaan Britian tuntutan mayat sukarelawan	Harian Metro
13	Potensi pasaran herba tempatan	Harian Metro
14	Minuman kaya vitamin A	Harian Metro

KERATAN AKHBAR  
THE MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 4  
TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)



Najib joins his new Cabinet line-up for a photo opportunity at Bangunan Perdana Putra on May 16, 2013. — Picture by Bernama

# Major reshuffle on the cards

**KUALA LUMPUR** — The imminent Cabinet reshuffle that Datuk Seri Najib Razak is to carry out may be a major one rather than just to accommodate the presidents of two Barisan Nasional component parties.

Sources said Najib was considering a major overhaul of his administrative line-up since instead of just bringing in MCA president Datuk Seri Liow Tiong Lai and his Gerakan counterpart Datuk Mah Siew Keong.

The new line-up could be announced as early as Friday and latest after Hari Raya which is expected to fall on July 28.

Najib is on an official visit to Turkmenistan and is expected home tomorrow. This week's Cabinet meeting is fixed for Friday.

"This change he is considering may even involve the three Umno vice-presidents — Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Seri Hishammuddin Hussein and Datuk Seri Shafie Apdal," said a party official.

"Najib knows he needs to revitalise his Cabinet and what better way than to move his ministers around."

Traditionally, the three Umno vice-presidents are accorded senior Cabinet posts to reflect their party position.

Word has it that the prime minister is considering Hishammuddin for the finance minister's post which Najib has held since September 2008 when he was still deputy prime minister under Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Hishammuddin now holds the Defence portfolio and is also acting transport minister — a post Najib asked him to hold on to while waiting for the MCA to decide on rejoining the Cabinet.

Home Minister Zahid could see a return

By Wong Sai Wan  
saiwan@redberry.com

to the Defence portfolio — a position that he thoroughly enjoyed and excelled prior to the 13th general election last year.

Najib is said to want to take over the Home Ministry which he has never helmed in his long political career.

Shafie is not expected to be moved from his two-term portfolio as rural and regional development minister. Party officials, however, say they would not be surprised if Shafie is moved as there are several other important ministries that affect the rural folk, for example, the Agriculture Ministry.

A couple of Umno ministers who are underperforming are expected to be dropped. Sources said one of them holds a senior party post and is expected to be asked to concentrate on administering Umno to get it ready for the next general election.

The other Umno minister is likely to be replaced by his home state menteri besar who is well-liked by Najib. The state leader has served several terms as menteri besar and is said to be well-qualified to be a minister, especially in the economic field.

Liow is widely expected to be made transport minister in the re-entry of MCA into the federal administration.

The question on everyone's mind is whether MCA, which used to have four ministers in the Barisan government, will get another minister although Najib has made it widely known he is only considering one minister's post for the party.

MCA No. 2 Datuk Dr Wee Ka Siong would

**“ Najib knows he needs to revitalise his Cabinet and what better way than to move his ministers around.”**

— Party official

under normal circumstances be a minister but is now expected to be made deputy finance minister which is said to be the most senior post for a deputy minister.

Up until Mah's unexpected victory in Teluk Intan a few weeks ago, it was thought that Najib would relent to MCA's request for a second ministership.

Mah is likely to be offered his predecessor's old post of being the minister in charge of Pemandu and other red tape-cutting portfolios presently held by Datuk Paul Low.

Officially, Mah will be minister in the Prime Minister's Department.

With the entry of Mah and Liow, the Barisan Cabinet will have a total of three Chinese representatives.

Sources said Najib was likely to offer MCA three deputy ministers' posts.

Trouble, however, is brewing in the MIC with party president Datuk Seri G. Palanivel and his deputy Datuk Seri Dr S. Subramaniam at odds with each other.

It seems the truce which Najib personally brokered last year is an uneasy one whereby Palanivel was supposed to hold

the presidency for only one term before Subramaniam took over.

Party sources said the supporters of the two leaders had been lobbying Najib to drop their man's opponent in the reshuffle.

While Palanivel's supporters claim that Dr Subramaniam does not have the support of party members, the latter's loyalists are questioning the president's performance as a minister.

Najib will also have to take cognisance that there is now a new man at the helm in Sarawak and may move some of Tan Sri Adenan Satem's supporters in the federal line-up.

He will also have to take into consideration the formation of Teras — a new political party — and the crossover of 11 elected representatives from various Barisan component parties in Sarawak.

Headed by Tan Sri William Mawan, Teras is a self-declared Barisan-friendly party and if allowed into the coalition, it will be the second largest party.

Najib will probably not move any of the six ministers from Sarawak but would probably look at the deputy ministers.

Sabah will also not be affected by this exercise with Umno so deeply entrenched in the state and well-represented in several senior posts.

Besides Shafie, other Sabahans who are ministers are Datuk Seri Anifah Aman (Foreign), Datuk Abdul Rahman Dahlan (Housing, Local Government and Urban Well-being), Tan Sri Joseph Kurup (PM's Department), Datuk Seri Dr Maximus Ongkili (Energy, Green Technology and Water) and Datuk Dr Ewon Ebin (Science, Technology and Innovation).

# Dana inovasi tempatan belum dimanfaatkan

» RM250 juta disediakan setahun untuk komersialkan produk sukar dapat tempat di pasaran tempatan

Oleh Nurhasyima Hasim  
nurhasyima@bh.com.my

► Ayer Keroh

**D**ana disediakan kerajaan untuk mengkomersialkan produk inovasi tempatan belum dimanfa-

atkan sepenuhnya kerana permintaan pengguna yang masih rendah.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Abu Bakar Mohamad Diah, berkata usaha mengkomersialkan produk inovasi berdepan beberapa kesukaran apabila ada antara hasil yang sudah dipatenkan, gagal mendapat tempat di pasaran tempatan.

#### Kurang diterima masyarakat

“Malaysia punya banyak produk inovatif yang dihasilkan rakyat tempatan. Hampir setiap hari banyak inovasi dicipta, namun penerimaan masyarakat masih kurang.

“Kementerian sediakan dana RM250 juta setahun untuk pengkomersialan, namun jika kajian pasaran ke atas sesuatu produk tidak menunjukkan permintaan tinggi, kita tidak

dapat luluskan permohonan dana itu. Sehingga Mei lalu, dana dikeluarkan masih rendah, iaitu kira-kira 30 peratus daripada RM250 juta yang disediakan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Taklimat Produk Inovasi Kesihatan di Planetarium Sdn Bhd, Kompleks Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka, di sini semalam. Taklimat disampaikan Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif EnColl Corporation, Dr S Gunasekaran.

#### Lebih iktiraf produk luar

Abu Bakar turut kesal apabila kebanyakan rakyat tempatan lebih mengiktiraf produk inovasi yang dipaten dan dikomersialkan oleh negara luar berbanding membeli hasil penyelidikan kelua-



Abu Bakar Mohamad Diah

ran tempatan.

“Saya harap rakyat Malaysia buang perasaan ragu-ragu seterusnya sokong hasil kerja penyelidik kita kerana apabila ada permintaan, produk boleh dikomersialkan. Kementerian akan terus bantu penyelidik mengetengahkan inovasi, seterusnya menggalakkan mereka mengeluarkan produk berpotensi mendapat tempat di pasaran,” katanya.

# RM250j diperuntuk dana pengkomersialan



“MOSTI menerusi konsultan yang dilantik akan mengkaji terlebih dahulu nilai pasaran sama ada ia mampu diterima pengguna selain membuktikan produk inovasi itu berjaya dipasarkan

DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH  
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Oleh NURSURAYA ZULKIFLI  
penarang@utusan.com.my

**MELAKA** 9 Jun - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memperuntukkan RM250 juta menerusi dana pengkomersialan produk inovasi negara tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (**gambar**) berkata, daripada jumlah itu hanya 30 peratus diluluskan sehingga hari ini setelah melalui proses kaji selidik dalam pasaran termasuk penerimaan pengguna.

Menurutnya, produk yang dihasilkan itu perlu dipatenkan oleh penyelidik selain berupaya menembusi pasaran tempatan sebelum dana berkenaan diberi kelulusan.

“MOSTI menerusi konsultan yang dilantik akan mengkaji terlebih dahulu nilai pasaran sama ada ia mampu diterima pengguna selain membuktikan produk inovasi itu berjaya dipasarkan.

“Sekiranya kajian pasaran produk berkenaan gagal diterima, kita tidak akan meluluskannya dengan se-wenang-wenangnya walaupun pihak kita menasarkankan 60 produk penyelidikan dan pembangunan untuk dikomersialkan tahun ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri taklimat produk inovasi kesihatan di Bilik Seminar Planetarium Melaka di sini.

Sementara itu, Abu Bakar berkata, faktor kurang penerimaan masyarakat terhadap produk penyelidikan tempatan menyebabkan pengkomersialan produk inovasi di negara ini masih berada pada tahap yang rendah.

Katanya, kalangan masyarakat dilihat bersikap ragu-ragu untuk menerima dan menggunakan hasil produk inovasi tempatan menyebabkannya kurang dikeluarkan dalam negara.

“Kita berharap masyarakat mengubah sikap dan memberi lebih banyak ruang kepada penyelidik tempatan selain mengiktiraf golongan ini sekali gus membolehkan produk tempatan dapat diguna pakai secara meluas di negara ini,” katanya.

## Kaji pengecualian bayaran royalti pengeluar kepada penyelidik

MELAKA - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan mengkaji pendekatan pengecualian sementara bayaran royalti pihak pengeluar kepada penyelidik atau pencipta bagi mempertingkatkan pengkomersialan produk inovasi di negara ini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (**gambar**) berkata, bayaran royalti mungkin dikecualikan antara tempoh tiga hingga empat tahun sehingga produk terbabit mampu menembusi pasaran tempatan dan luar negara.

"Inisiatif ini bagaimanapun perlu dibincangkan dengan teliti dengan pihak penyelidik dan pengeluar bagi memberikan situasi menang-menang kepada kedua-dua pihak," katanya selepas merasmikan taklimat produk inovasi kesihatan di sini semalam.



Beliau juga berkata, pengkomersialan produk inovasi di Malaysia masih di tahap rendah disebabkan persepsi negatif masyarakat terhadap hasil penyelidik tempatan.

Ujar Abu Bakar lagi, masyarakat dilihat bersikap ragu-ragu untuk menerima dan menggunakan produk yang dikeluarkan dalam negara.

"Mereka lebih yakin terhadap produk inovasi dari negara luar seperti China dan sikap ini perlu diubah dengan memberi ruang produk tempatan diguna pakai," katanya. - Bernama



## MOSTI KAJI PENGEQUALIAN BAYARAN ROYALTI PENGELUAR KEPADA PENYELIDIK

MELAKA, 9 Jun (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** akan mengkaji pendekatan pengecualian sementara bayaran royalti pihak pengeluar kepada penyelidik atau pencipta bagi mempertingkatkan pengkomersialan produk inovasi di negara ini.

Timbalan Menteri berkenaan **Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** berkata bayaran royalti mungkin dikecualikan antara tempoh tiga hingga empat tahun sehingga produk terbabit mampu menembusi pasaran tempatan dan luar negara.

"Inisiatif ini bagaimanapun perlu dibincangkan dengan teliti dengan pihak penyelidik dan pengeluar bagi memberikan situasi menang-menang kepada kedua-dua pihak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan taklimat produk inovasi kesihatan di sini Isnin.

Beliau juga berkata pengkomersialan produk inovasi di Malaysia masih di tahap rendah disebabkan persepsi negatif masyarakat terhadap hasil penyelidik tempatan.

Katanya, masyarakat dilihat bersikap ragu-ragu untuk menerima dan menggunakan produk yang dikeluarkan dalam negara.

"Mereka lebih yakin terhadap produk inovasi dari negara luar seperti China dan sikap ini perlu diubah dengan memberi ruang produk tempatan diguna pakai," katanya.

Sementara itu, Abu Bakar berkata setakat ini, Mosti meluluskan peruntukan sebanyak RM75 juta bagi tujuan pengkomersialan produk inovasi negara.

Beliau berkata angka itu hanya 30 peratus daripada dana pengkomersialan berjumlah RM250 juta yang disediakan bagi tahun ini.

Katanya, ia berikutan syarat dan prosedur ketat dalam pemberian peruntukan termasuk produk yang dihasilkan perlu dipaten penyelidik serta berupaya memasuki pasaran tempatan.

"Sebelum dana ini diluluskan, Mosti melalui konsultan yang dilantik, akan mengkaji terlebih dahulu nilai pasaran produk berkenaan sama ada ia diterima pengguna atau tidak," katanya.

FENOMENA EL NINO

# Subang paling panas

■ Cuaca kering sepanjang hari sudah mula dirasai



KEADAAN cuaca kering



CHUPING antara kawasan yang paling panas di Malaysia.



PENOREH gertah, Yusof Ibrahim, 41, membaiki bumbung dangau di kebunnya.

Oleh Suraya Roslan  
 surayaroslan@hmetro.com.my  
 Kuala Lumpur

**K**adaan kering yang melanda seluruh negara adalah fasa perkembangan El Nino, namun ia baru di peringkat permulaan dan masih belum memasuki fasa penuh fenomena terbabit seperti yang didakwa sesetengah pihak.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia) Datuk Che Gayah (Smail berkata, cuaca panas terik dan bahang sepanjang hari yang sudah mula dirasai kini berlaku berikutan jumlah taburan hujan sepanjang bulan ini berkurangan.

Menurutnya, tadahan hu-

jan direkodkan rendah antara 20 dan 40 peratus iaitu 200 hingga 250 mililiter berbanding bulan lalu.

"Apa yang dirasai kini adalah kesan monsun barat daya iaitu musim kering yang dijangka sehingga Ogos ini.

"Setakat semalam (kelmarin), empat kawasan mencatatkan suhu tertinggi iaitu masing-masing 35 darjah Celsius di Subang dan Muadzam Shah, Pahang serta 34 darjah Celsius di Chuping, Perlis dan Petaling Jaya," katanya ketika dihubungi di sini. Katanya, purata suhu maksimum harian (suhu normal) bagi bulan ini di Subang ialah 32.8 darjah Celsius, Chuping (32.5), Muadzam (33.4) dan Petaling Jaya (33.1).

"Kebarangkalian fenomena El Nino yang mengakibatkan peningkatan suhu dan kemarau panjang melanda rantau Asia Tenggara mulai bulan ini kekal pada tahap 80 peratus.

"Fenomena pemanasan suhu permukaan laut ini dijangka berlaku mulai bulan ini hingga Ogos tetapi saya tegaskan kita masih lagi belum memasuki fasa El Nino," katanya.

Che Gayah berkata, sama ada fenomena El Nino berlaku atau sebaliknya, persediaan untuk menghadapinya perlu dilakukan.

"Ini kerana tempoh antara Jun hingga Ogos adalah musim kering di negara ini dan jangkaan berlakunya fenomena El Nino di negara ini

bergantung pada cuaca tempatan," katanya.

Sebelum ini, Pejabat Kaji Cuaca United Kingdom meramalkan fenomena cuaca itu akan melanda rantau Asia Tenggara, pertengahan tahun ini.

Pakar menekankan negara ini boleh dilanda kemarau selama enam bulan jika El Nino benar-benar melanda.

El Nino secara purata berlaku antara dua atau empat tahun sekali meliputi kawasan timur Lautan Pasifik.

Malaysia pernah mengalami fenomena ini pada 1998, dan mencapai suhu tertinggi iaitu 40.1 darjah Celsius direkodkan di Stesen Meteorologi Chuping, Perlis pada 9 April 1998.

## PENINGKATAN SUHU DI EMPAT KAWASAN

NEGERI	SUHU (SETAKAT KELMARIN) (DARJAH CELSIUS)	SUHU MAKSIMUM HARIAN (DARJAH CELSIUS)
CHUPING, PERLIS	34	32.5
MUADZAM SHAH, PAHANG	35	33.4
SUBANG, SELANGOR	35	32.8
PETALING JAYA, SELANGOR	34	33.1

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 6  
TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)**

## Cuaca panas, kering bukan fenomena EL Nino

**KUALA LUMPUR** – Cuaca panas dan kering yang berlaku di negara ini sejak tiga hari lalu bukan disebabkan fenomena El Nino sebaliknya disebabkan pengura-

ngan 20 hingga 40 peratus hujan akibat peralihan Monsun Barat Daya.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail ber-

kata, pembentukan El Nino yang dijangka bermula pada Julai ini masih belum berlaku.

“Kita sentiasa membuat pemantauan cuaca pada se-

tiap hari bagi memastikan sama ada musim El Nino sudah tiba atau tidak,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau memberitahu, cuaca

panas dan kering yang melanda negara sekarang ini merupakan cuaca normal pada Monsun Barat Daya.

Malaysia pernah menga-

lami fenomena ini dengan mencatat suhu tertinggi 40.1 darjah Celsius direkodkan di Stesen Meteorologi Chuping, Perlis pada 9 April 1998.



**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 06**  
**TARIKH: 10 JUN 2014 (SELASA)**

## Catuan air dijangka berulang

**KUALALUMPUR** - Catuan bekalan air di Lembah Klang dijangka berulang jika paras air di Empangan Sungai Selangor merosot ke tahap membimbangkan akibat fenomena El Nino.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, walaupun musim panas dijangka melanda negara mulai bulan ini, namun kesannya hanya dirasai pada Julai.

"Buat masa ini, paras air di Empangan Sungai Selangor hanya meningkat 7 peratus kepada 43 peratus berbanding 36 peratus dua bulan lalu ketika catuan dilakukan.

"Jika musim kering menyebabkan paras kembali menurun, catuan terpaksa dilakukan kerana 60 peratus bekalan air di Lembah Klang datang dari empangan itu," katanya se-

lepas melancarkan Persidangan Kebangsaan Teknologi Hijau bersempena Minggu Teknologi Hijau 2014 di sini semalam.

Sebahagian Selangor dan Lembah Klang mengalami catuan air secara berjadual dan berperingkat antara Februari dan April ekoran kekurangan bekalan.

Mahdzir berkata ketika catuan dilakukan, kadar pengeluaran air di Lembah Klang diturunkan kepada 1,700 juta liter sehari berbanding kadar biasa 2,700 juta liter sehari.

"Bagaimanapun, kerajaan Selangor melalui Lembaga Urus Air Selangor akan melakukan pelbagai cara untuk tingkatkan paras air di empangan itu, termasuk selain kaedah pembenihan awan," katanya.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air baru-baru ini mengeluarkan garis panduan untuk kegunaan operator air di seluruh negara sepanjang tempoh Malaysia dilanda fenomena El Nino atau cuaca kering.

Garis panduan itu, antara lain, mengarahkan operator air memantau rapi paras sungai dan empangan yang bekalkan air mentah kepada loji rawatan di negeri masing-masing; mengaktifkan Pelan Kontingensi Bekalan Air sekiranya paras air menyusut pada paras waspada dan menyediakan keperluan logistik bagi menghantar bekalan air bantuan.

Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan negara alami musim kering bermula bulan ini hingga September manakala Pertubuhan Meteorologi Dunia menjangkakan fenomena El Nino berlaku pertengahan tahun ini. - Bernama



MAHDZIR

# Luas cuba elak **catuan air**

Musim El Nino akan ditangani dengan pelbagai kaedah

■ JANATUL FIRDAUS YAACOB  
& NURUL AINI MOHAMED ALI

**SHAH ALAM** - Lembaga Urus Air Selangor (Luas) sedaya upaya cuba mengelak berulangnya episod catuan air di negeri ini ketika berdepan El Nino yang dijangka Jun hingga September depan.

Pengarah Luas, Md Khairi Selamat berkata, berdasarkan perancangan dan kiraan di peringkat negeri, Luas cuba elakkan supaya tidak berlaku catuan air lagi.

"Dengan bekalan air yang kita peroleh dari kolam bekas lombong ia memang mencukupi untuk berdepan musim kering itu.

"Malah untuk keselamatan dan kesihatan pengguna ujian makmal yang dibuat **Jabatan Kimia**, semakan akhir 20 Mei

“ Dengan bekalan air yang kita peroleh menerusi kolam bekas lombong, ia memang mencukupi untuk berdepan musim kering itu.” - Md Khairi

lalu menunjukkan kolam itu mematuhi 'standard' yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

"Bahkan ujian berkala turut dipergiat dari semasa ke semasa," katanya selepas ceramah Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor: Cabaran dan Peluang dalam sesi Majlis Dialog Belanjawan 2015 di sini, semalam.

Sementara itu katanya, Luas akan meneruskan pembenihan awan walaupun dalam cuaca ke-

ring tetapi akan gunakan tambahan lebih baik.

"Perancangan awal sedang dilakukan dan perbincangan terperinci dibuat kerana ia melibatkan beberapa agensi Jabatan Penerbangan Awam. Mungkin kita perlukan pesawat yang agak besar dan perlu bantuan daripada pihak yang mempunyai kelengkapan mencukupi.

"Malah kebelakangan ini peratus takungan empangan utama juga menunjukkan peningkatan walaupun dua, tiga hari ini tak hujan. Mungkin air datang dari kawasan tadahan dan masuk ke empangan," katanya.

Terdahulu **Jabatan Meteorologi Malaysia** meramalkan negara dijangka mengalami musim kering pada Jun hingga September ta-

Majlis Dialog Belanjawan 2015, di Pusat Konvensyen Shah Alam

hun ini.

Selain itu, Pertubuhan Meteorologi Dunia (WMO) meramalkan fenomena El Nino berkemungkinan berlaku pertengahan tahun ini dan mungkin berlanjutan antara enam hingga 18 bulan.

Sebelum ini, sebahagian Selangor dan Lembah Klang mengalami catuan air secara berjadual dan berperingkat selama tiga bulan antara Februari dan April ekoran kekurangan bekalan air semasa musim panas.

**KERATAN AKHBAR**  
**THE MALAY MAIL (NEWS) : MUKA SURAT 13**  
**TARIKH: 10 JUN 2014 (SELASA)**

## Water rationing may return if El Nino affects supply

**KUALA LUMPUR** — Rationing in the Klang Valley may return if water in the Sungai Selangor dam drops to a worrying level because of the El Nino phenomenon.

Deputy Energy, Green Technology and Water Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid said although the dry season was expected to occur in Malaysia from this month, the effects would only begin to be felt in July.

“At the moment, the water level in the

Sungai Selangor dam has only increased by seven per cent to reach 43 per cent, compared to 36 per cent two months ago when rationing was implemented,” he was reported as saying to Bernama yesterday.

“If the drought causes the water level to drop again, water rationing will have to be implemented as 60 per cent of water supply in the Klang Valley comes from the dam.”

Mahdzir said that during the rationing exercise, the water output in the Klang Valley was reduced to 1,700 million litres a day compared to the normal rate of 2,700 million litres a day.

“However, the Selangor government through Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) will undertake various measures to raise the water level in that dam, including pumping in water from the retention

ponds and using underground water, besides cloud seeding by the **Meteorological Department**,” he said.

The ministry recently issued guidelines for use by the water supply operators nationwide throughout the El Nino weather phenomenon or drought, including activating the Water Supply Contingency Plan if the water levels drop and to prepare logistics to send water to those in need.



## **CATUAN BEKALAN AIR DIJANGKA BERULANG JIKA PARAS EMPANGAN UTAMA MEROSOT**

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Catuan bekalan air di Lembah Klang dijangka berulang jika paras air di Empangan Sungai Selangor merosot ke tahap membimbangkan akibat fenomena El Nino.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata walaupun musim kering dijangka melanda negara mulai bulan ini namun kesannya hanya dirasakan pada Julai.

"Buat masa ini, paras air di Empangan Sungai Selangor hanya meningkat tujuh peratus kepada 43 peratus berbanding 36 peratus pada dua bulan lalu ketika catuan bekalan air dilakukan.

"Jika musim kering menyebabkan paras tersebut kembali menurun, maka catuan terpaksa dilakukan kerana 60 peratus bekalan air di Lembah Klang datang daripada empangan tersebut," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Persidangan Kebangsaan Teknologi Hijau bersempena Minggu Teknologi Hijau 2014 di sini hari ini.

Sebahagian Selangor dan Lembah Klang mengalami catuan air secara berjadual dan berperingkat selama tiga bulan antara Februari dan April ekoran kekurangan bekalan semasa musim panas baru-baru ini.

Mahdzir berkata ketika catuan dilakukan, kadar pengeluaran air di Lembah Klang diturunkan kepada 1,700 juta liter sehari berbanding kadar biasa 2,700 juta liter sehari.

"Bagaimanapun, kerajaan negeri Selangor melalui Lembaga Urus Air Selangor akan melakukan pelbagai cara untuk meningkatkan paras air di empangan tersebut, termasuk mengepam air dari kolam takungan dan menggunakan air bawah tanah selain kaedah pembenihan awan oleh Jabatan Meteorologi," katanya.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air baru-baru ini mengeluarkan garis panduan untuk kegunaan operator air di seluruh negara sepanjang tempoh Malaysia dilanda fenomena El Nino atau cuaca kering.

Garis panduan itu, antara lain, mengarahkan operator air memantau rapi paras sungai dan empangan yang membekalkan air mentah kepada loji rawatan di negeri masing-masing; mengaktifkan Pelan Kontingensi Bekalan Air sekiranya paras air menyusut pada paras waspada dan menyediakan keperluan logistik bagi menghantar bekalan air bantuan.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** meramalkan negara mengalami musim kering bermula bulan ini hingga September manakala Pertubuhan Meteorologi Dunia menjangkakan fenomena El Nino berlaku pertengahan tahun ini dan mungkin berlanjutan antara enam hingga 18 bulan.

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 6  
TARIKH: 10 JUN 2014 (SELASA)

## Kedutaan Britain tuntutan mayat sukarelawan



KAKITANGAN Unit Forensik HTAA mengusung keranda mayat Huntley untuk dibawa ke Kuala Lumpur.

**"Hasil bedah siasat terhadap mangsa mendapati tiada sebarang kecederaan ditemui"**  
Mohd Zakaria Ahmad

**Kuantan:** Mayat warga Britain, Gareth David Huntley, 34, yang ditemui mati di Sungai Mentawak di Kampung Juara, Pulau Tioman, Rabu lalu, sudah dituntut sebuah syarikat pengurusan jenazah dari Kuala Lumpur yang dilantik Kedutaan Britain, semalam.

Mayat Huntley yang juga sukarelawan pusat perlindungan penyu dibawa keluar dari Jabatan Forensik Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di sini, pada jam 1.30 petang.

Wakil syarikat pengurusan jenazah itu yang enggan dikenali berkata, mayat Huntley dibawa ke Kuala Lumpur, semalam, dan dijangka dibawa pulang ke London, esok, untuk proses pengebumian dilakukan.

"Saya tidak boleh memberikan ulasan atau komen.

Saya hanya ditugaskan membawa mayatnya ke Kuala Lumpur," katanya.

Wartawan Harian Metro yang berada di Jabatan Forensik HTAA seawal jam 9 pagi, semalam, mendapati tiada wakil daripada keluarga mangsa atau Kedutaan Britain kelihatan ketika proses tuntutan dilakukan, sebaliknya hanya dua lelaki daripada syarikat pengurusan jenazah berada di situ.

Difahamkan, ibu mangsa, Janet Southwell, 55, kini berada di Kuala Lumpur untuk menyelesaikan urusan dokumen perjalanan membawa pulang mayat anaknya.

Akhbar ini pada Ahad lalu melaporkan, keputusan asid deoksiribonukleik (DNA) yang dilakukan **Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya, Selangor,**

mendapati spesimen darah mayat dan ibunya, Janet, sepadan 99.99 peratus.

Huntley dilaporkan hilang di pulau itu sejak 27 Mei lalu sebelum pasukan mencari dan menyelamat menemui mayatnya pada jam 1.30 petang, Rabu lalu, tanpa dokumen pengenalan diri, kurang 500 meter dari chalet penginapannya di Kampung Juara.

Mayat itu dihantar ke Jabatan Forensik HTAA untuk dibedah siasat dan sehari kemudian, polis menemui telefon bimbit milik Huntley berhampiran lokasi mayatnya ditemui.

Dia dilaporkan hilang selepas dikatakan mahu ke Air Terjun Lubuk Teja seorang diri.

Bagaimanapun, timbul sedikit percanggahan maklumat apabila media asing

mendakwa Huntley sebenarnya terabit dalam pergaduhan sebelum dikelar dan mayatnya dicampak ke Sungai Mentawak.

Susulan itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Pahang Datuk Mohd Zakaria Ahmad tampil membuat penjelasan apabila menafikan dakwaan media asing terabit.

"Saya berada di Pulau Tioman pada Sabtu lalu untuk mengambil keterangan daripada beberapa saksi bagi membantu siasatan dan keterangan itu bercanggah dengan apa yang media asing laporkan. Ia tidak benar sama sekali.

"Hasil bedah siasat dijalankan di Jabatan Forensik HTAA terhadap mangsa mendapati tiada sebarang kecederaan ditemui, katanya.

# Potensi pasaran herba tempatan

PHM 2014 sedia platform kepada pengusaha meneroka peluang pasaran di dalam dan luar negara

BAH Balah Bah Nam menunjukkan Tongkat Ali Sengsar pada Pameran Herba 2014



Oleh Mohd Sabran Md Sani  
sab@mediaprima.com.my

Pameran Herba Malaysia (PHM) 2014 dianjurkan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menjadi platform kepada usaha memperluaskan jaringan kerjasama, penyelidikan, pembangunan dan komersialisasi dalam kalangan usahawan tempatan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanivel berkata, pendekatan ini dijangka dapat mempertingkatkan kualiti, keselamatan dan efikasi produk herba tempatan setanding produk antarabangsa.

"Ini selari dengan peningkatan permintaan kepada produk berasaskan herba di pasaran dunia yang diramal mencapai tahap USD93.15 bilion (RM299.29 bilion) pada 2015.

"Pasaran herba tempatan pula dianggarkan meningkat kepada RM29 bilion pada 2020," katanya dalam ucapan perasmian di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pameran dua hari bertemakan Herba dan Pengetahuan Tradisi: Khazanah



PALANIVEL (kanan) melihat ruang pameran yang menempatkan komuniti Orang Asli.

Negara adalah usaha berterusan institut itu memajukan industri herba negara.

PHM 2014 menyediakan platform kepada pengusaha herba untuk meneroka peluang pasaran di dalam dan luar negara.

Program berkenaan menghimpunkan 45 syarikat pengusaha herba membabitkan 75 ruang pameran.

Selain usahawan, pameran itu juga menghimpunkan pengeluaran produk herba dan penyelidik, sekali gus meningkatkan kualiti, keselamatan dan keberkesanan produk herba tempatan. Sebagai simbolik peras-

mian, Palanivel dikalungkan ketopong oleh tok batin hasil kraftangan masyarakat Orang Asli.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia, Datuk Seri Zol Azha Yusof; Ketua Sekretariat NKEA Pertanian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Ibrahim Salleh dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Palanivel berkata, Malaysia perlu terus mengambil peluang ini kerana negara kaya kepelbagaian biologi

dan salah satu daripada 12 negara mega biodiversiti.

"Dianggarkan hampir 60 peratus daripada ubat-ubatan sedia ada terhasil sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada terbitan hasil semula jadi.

"Sekiranya kepelbagaian biodiversiti negara ini dapat terus dibangunkan dan dieksploitasi dengan baik tanpa mengabaikan pemuliharaan ekosistem, ia akan menjadi satu bentuk komoditi penting," katanya.

Katanya, harapan dan impian kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan ber-

pendapatan tinggi menjelang 2020.

"Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah sebahagian usaha kerajaan ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi melalui pelaksanaan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

"Potensi herba dilihat begitu besar hingga dijadikan sebagai salah satu Projek Permulaan (EPP) dalam NKEA Pertanian," katanya.

Fokus utama EPP katanya, untuk meningkatkan kualiti produk dan usaha pemasaran bagi menembusi eksport global produk nutraseutikal dan perubatan botanikal.

Mengulas lanjut mengenai industri herba katanya, sudah tiba masanya agensi penyelidikan menterjemahkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) dilakukan mereka kepada bentuk yang boleh dijadikan produk dan dijual.

"Isu dalam herba menjadi ancaman kita selama ini kerana kita tidak ada sistem yang tepat mengikut piawaian antarabangsa.

"Kerjasama dijalin bersama-kementerian, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Biotechnology Corporation (BiotechCorp), membolehkan makmal bionexus digunakan dari segi kemudahan, peralatan dan infrastruktur serta khidmat nasihat dan bantuan teknikal," katanya.

FRIM juga katanya, mempunyai pusat rujukan kebangsaan bagi herba untuk

membolehkan produk dihasilkan menyeluruh dalam aspek pengeluaran dan pembangunan produk yang berefikasi, selamat serta berkualiti.

Menurutnya, usaha kerajaan menerusi kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengambil alih EPP melonjakkan industri herba ke peringkat tertinggi.

"Ini adalah 'big jump' untuk memastikan semua produk berkenaan tidak lari dengan standard antarabangsa.

"Ia lebih baik daripada yang kita import, tetapi mampu dan sanggupkah kita memberikan penekanan kepada semua orang bahawa kita mempunyai fakta sains yang boleh mendukung produk kita dan dapat diterima?," tegasnya.

Melihat senario tempatan katanya, masih ramai yang takut menggunakan produk tempatan, sedangkan bahan utamanya menggunakan herba ini.

"Jika kita kaji dari sudut farmaseutikal, negara Eropah memandangkan Malaysia dan Indonesia kerana mencari sumber herba ini.

"Mereka boleh buat ujian klinikal secara besar-besaran sedangkan kita masih terhalang oleh masalah ekonomi dan sebagainya kerana bajet terlampau besar dari segi ujian saintifik dan terpaksa buat secara perlahan-lahan," katanya.



PALANIVEL bertemu seorang usahawan bersama produk kopi Qaisara dikeluarkan mereka.



PALANIVEL (dua dari kiri) ketika melancarkan Pameran Herba Malaysia 2014 di PWTC baru-baru ini.

**INOVASI**  
 Oleh Mohd Sabran Md Sani  
 sab@mediaprima.com.my

# Minuman kaya vitamin A

Menurut sumber Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), ada ramai kanak-kanak di dunia yang tidak cukup vitamin A.

Dari aspek kesihatan, vitamin A sangat baik untuk mata, selain berfungsi sebagai antioksidan.

Secara semula jadi, beta karotena (iaitu sumber vitamin A) terkandung dalam sayur hijau dan merah terutama tomat, cili dan lobak merah.

Persoalannya, berapa ramai sanggup makan lobak merah dan tomat untuk mendapatkan sumber vitamin A setiap hari.

Bukan saja kanak-kanak, orang dewasa juga tidak gemarkan sayur seperti itu untuk menjadi hidangan setiap hari.

Kita di Malaysia ada sumber vitamin A yang sangat tinggi iaitu minyak sawit mentah.

Dilaporkan kandungan beta karotena di dalam minyak sawit mentah 15 kali lebih tinggi daripada lobak merah.

Ahli nutrisi makanan menyarankan pengambilan tiga miligram karotena setiap hari bagi mendapatkan manfaat kesihatan daripada nutrien itu.

Menurut laporan, kandungan antioksidan di dalam karotena dapat menahan diri kita daripada beberapa penyakit.

Kaedah semasa penyampaian beta karotena yang terkandung di dalam minyak sawit mentah adalah melalui penggunaan olein sawit merah dalam masakan, minum dengan sudu atau dalam bentuk gel.

Disebabkan warnanya merah, kadangkala ia mengundang ketidakelesaan dalam kalangan suri rumah untuk menggunakan minyak masak merah dalam sajian mereka.

Selain bimbang warna masakan bertukar merah, juga tidak ramai ibu bapa bersedia memberikan sesuatu minyak olein merah kepada anak.

Di pasaran, nutrien ini dijual dalam bentuk gel, namun kosnya

## BeCare Red Olein Drink dihasilkan berasas olein sawit merah untuk kanak-kanak

agak tinggi. Penyelidik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mempunyai formula dalam menyelesaikan masalah berkenaan.

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) terhadap penggunaan minyak olein sawit merah dibangunkan Ketua Unit Protin dan Teknologi Makanan MPOB, Dr Miskandar Mat Sahri dan kumpulan penyelidikannya yang terdiri daripada Rafidah Abd Hamid dan Dr Teng Kim Tiu.

Dikenali sebagai BeCare Red Olein Drink, minuman berkhasiat dihasilkan selama dua tahun itu membantu membekalkan sumber vita-

min A paling mudah. Produk berkenaan memenangi pingat emas sempena pameran Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2014.

Mengulas lanjut mengenai produk minuman dihasilkannya, Dr Miskandar berkata ia mengandungi karotena atau sumber vitamin A yang tinggi.

"Jadi minuman dihasilkan inilah yang direka menaja di kaedah untuk menyampaikan minyak sawit merah sebagai sumber vitamin A kepada penerima

"Sepanjang dua tahun penyelidikan, produk berkenaan melepasi ujian makmal, rasa dan kestabilan"  
 Dr Miskandar



"Minuman berkhasiat ini diformulasi menggunakan minyak olein sawit merah dan minyak lain," katanya.

Selain menaja di sumber vitamin A, formulasi minuman berkenaan juga mempunyai ciri kesihatan yang baik.

"Ia mempunyai nisbah asid lemak tepu, mono tak tepu dan poli tak tepu

yang seimbang.

"Formulasi minuman ini walaupun untuk kanak-kanak, namun bau dan rasa jagung padanya menyebabkan ia turut disukai golongan dewasa," katanya, sambil menegaskan nisbah asid lemak dalam formulasi minuman itu juga baik untuk kesihatan jantung.

Ditanya mengenai penggunaan perisa jagung katanya, ia bahan paling sesuai buat masa kini dari aspek bau dan rasa.

"Sepanjang dua tahun penyelidikan, produk berkenaan melepasi ujian makmal, rasa dan kestabilan."

"Ujian berkenaan penting kerana mahukan produk yang stabil dan sesuai untuk dimakan," katanya.

Dengan kemenangan diperoleh, Dr Miskandar berharap ada usahawan tampil untuk memasarkan minuman kesihatan BeCare Red Olein Drink.